

'Takrif semula kerjasama Asia Tenggara, Eropah'

BERITA HARIAN 08 JUL 2025

m/s: 2

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa keperluan untuk mentakrifkan semula hubungan antara Asia Tenggara dan Eropah, sebagai setara, mencorakkan masa depan bersama dan rakan kongsi dalam hubungan dan perdagangan, dalam dunia yang mendambakan keseimbangan.

Beliau berkata, tidak dinafikan Perancis dan Eropah secara keseluruhannya mencapai kemajuan besar dalam bidang budaya, tenaga boleh baharu, inisiatif biodiversiti serta falsafah politik dan tadbir urus, Asia Tenggara juga mempunyai pencapaian yang tersendiri.

"Hari ini, kemajuan di Asia Tenggara dapat dilihat melalui trajektori pertumbuhan ASEAN itu sendiri yang tidak dapat dinafikan merupakan manifestasi kejayaan integrasi ekonomi ASEAN," kata beliau dalam syarahan '*Southeast Asia and Europe: Recalibrating The Terms of Engagement*' di Sorbonne University Paris.

Anwar berkata, rantau ini menggalakkan perdagangan dan pelaburan antara rantau dengan pesat, meningkatkan daya tahan ekonomi dan daya saing negara anggota.

Katanya terdapat banyak yang boleh dipuji dari segi tumpuan

ASEAN terhadap diplomasi dan kerjasama serantau yang menjadi lambang kepada pemusatan dan pendekatan multilateralisme yang progresif.

Beliau berkata, selain krisis di Myanmar, usaha ini telah menjana kemajuan besar dalam membantu menangani ketegangan antara negara, mengurus konflik dan menggalakkan membuat keputusan secara kolektif dalam krisis serantau.

Sebaliknya, Anwar berkata, pencerobohan Russia ke atas Ukraine bukan sahaja mengugut keselamatan benua itu, malah andaian sedia ada mengenai pencegahan, kebergantungan

dan keupayaan keamanan.

"Peperangan yang dianggap mustahil oleh ramai menjadi perhitungan yang memusnahkan ilusi tentang keamanan yang kekal dan mengingatkan kita walaupun di Eropah, sejarah boleh berulang. Namun, kita tidak lupa bahawa walaupun sejarah boleh membebaskan, ia juga boleh memenjarakan.

"Oleh itu, Eropah kini berdepan dengan ketidaktentuan dalam pakatan yang lama terjalin.

"Dalam perdebatan mengenai perbelanjaan ketenteraan dan tekad bersama yang menjadi nyata, tunjang kepada pakatan merentasi Atlantik sedang diuji

melalui kaedah yang tidak dilihat selama beberapa generasi.

"Projek Eropah yang dirancang untuk menamatkan peperangan melalui integrasi, kini mendapati perlu menilai semula keupayaan pertahanan, kedaulatan teknologi dan keselamatan tenaganya," kata beliau.

Sehubungan itu, Anwar berkata walaupun Asia Tenggara mengalu-alukan kerjasama Eropah dan kehadirannya yang semakin meningkat di rantau ini, antaranya melalui hubungan yang semakin berkembang dengan ASEAN, ia perlu dilaksanakan dengan betul mengikut terma yang setara. BERNAMA